



Headline: RM4,300 lesap ditipu Macau Scam
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 21 July 2019

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 69

RM4,300 lesap ditipu Macau Scam

KEPALA BATAS 20 Julai - Seorang guru kerugian hampir RM 4,300 selepas terpedaya dengan sindiket Macau Scam semalam.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd. Noor berkata, mangsa yang berumur 40 tahun itu telah menerima panggilan daripada seorang wanita yang memperkenalkan diri sebagai pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Wanita ini memberitahu bahawa mangsa telah terlibat de-

ngan pengubahan wang haram yang melibatkan aliran pengeleuaran wang yang tinggi.

"Kemudian panggilan seterusnya disambungkan kepada beberapa pegawai polis kononnya dari Bukit Aman yang memaklumkan waran tangkap akan dikeluarkan terhadap mangsa," katanya di sini hari ini.

Menurutnya, akibat takut ditangkap, mangsa telah membuat dua transaksi pindahan wang yang kesemuanya berjumlah RM4,300 ke dalam akaun yang

diberikan suspek.

"Katanya wang tersebut telah dipindahkan ke akaun pegawai juruaudit Bank Negara Malaysia (BNM) kononnya bagi tujuan siasatan sebagaimana diarahkan suspek.

"Mangsa hanya sedar ditipu setelah memaklumkan perkara tersebut kepada suaminya dan diberitahu pemanggil tersebut adalah



**NOORZAINY
MOHD. NOOR**

'scammer,' katanya. Jelas Noorzainy, mangsa kemudiannya membuat laporan polis untuk tindakan selanjutnya.

"Orang ramai jangan sesekali mudah panik dan mengikut arahan pemanggil yang tidak dikenali, sebaliknya hubungi pihak polis atau organisasi yang terlibat untuk sebarang pengesahan," katanya.